

Mahathir bidas negara-negara talam dua muka

UM - 4 MAY 1983

KUALA LUMPUR 3 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas negara-negara yang menyokong Israel kerana bersikap 'talam dua muka' dan berpura-pura menonjolkan diri sebagai juara hak asasi manusia.

Perdana Menteri menegaskan: Kerana sikap talam dua muka itulah pembunuhan beramai-ramai berlaku di khemah pelarian Sabra dan Shatilla di Lebanon, tidak lama dahulu.

Serentak itu beliau menggesa negara-negara tersebut mengeneppikan sikap pura-pura itu dan sebaliknya bersama-sama masyarakat antarabangsa mengenakan tekanan yang berkesan ke atas pentadbiran Israel untuk menghentikan kedegilan dan keganasannya dalam usaha menyelesaikan masalah Palestin.

Berucap merasmikan Persidangan Asia mengenai Palestin di sebuah hotel terkemuka di sini, pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah negara-negara penyokong Israel itu di satu pihak tidak mengiktiraf Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) hanya kerana beberapa tindakan liar yang dilakukan oleh golongan yang mengaku diri mereka ahli PLO.

Katanya lagi, perjuangan rakyat Palestin tidak lebih daripada perjuangan bagi mencapai keadilan yang menjadi hak mereka dan orang lain.

"Banyak resolusi yang tidak terbilang telah diluluskan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi ketidakadilan dan pencerobohan ke atas Palestin dan rakyatnya terus berlaku dan berulang.

"Sekiranya kita masih mempunyai keinsafan, kita harus mencuba mencari penyelesaian untuk memberhentikan ketidakadilan yang dialami oleh orang rakyat Palestin, bukan kerana mereka bersalah tetapi orang lain yang mengeneppikan keinsafan mereka," tambahnya.

gaku dirinya ahli PLO, sedangkan pemimpin gerakan pengganas Israel diiktiraf sebagai Perdana Menteri Israel," tegas beliau lagi.

Mengenai Persidangan Palestin lagi, beliau berkata soalan yang penting sekarang ialah sama ada persidangan itu akan dipenuhi dengan retorik dan resolusi-resolusi kosong atau dengan cadangan-cadangan yang konkrit.

"Kita tidak berkumpul di sini untuk meluluskan resolusi demi resolusi semata-mata. Sudah terdapat lebih 300 resolusi diluluskan mengenai masalah Palestin.

"Sebahagian besar masyarakat dunia menerima dan mengakui hak Palestin tetapi berpuluh-puluh tahun sudah ber-

Beri amaran

"Sedangkan di pihak lain mereka mengiktiraf pemimpin gerakan pengganas Israel sebagai Perdana Menteri Israel," tegasnya dengan suara lantang di hadapan para perwakilan dan kira-kira 40 buah negara dan 50 buah pertubuhan dunia.

Dalam ucapan 45 minitnya itu, Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi amaran bahawa dunia yang terus "buta dan pekak" terhadap perluasan kuasa dan pencerobohan Israel akan menggalakkan negara-negara lain melakukan pencerobohan yang sama.

Beliau juga membidas kalangan tertentu yang cuba menghalang usaha mengadakan persidangan Palestin yang bertujuan mencapai keadilan dan keamanan bagi Asia Barat.

Katanya, kalangan itu harus memahami tujuan Malaysia dan negara-negara lain yang mahu mencapai keadilan dan keamanan bagi Asia Barat sekiranya mereka benar-benar berusaha ke arah matlamat yang sama.

"Tidak ada sebab bagi mereka memujuk negara-negara lain supaya jangan menyertai persidangan mengenai Palestin seperti ini. Tindakan mereka hanya membuktikan kepada dunia bahawa keraguan yang dilemparkan terhadap keikhlasan mereka," tegasnya lagi.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri juga:

- Menggesa supaya persidangan Palestin itu menghasilkan satu "jentera untuk membolehkan segala rancangan dan inisiatif dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah Palestin;

- Menegaskan sebarang perundingan mengenai masalah Palestin harus melibatkan Pertubuhan Pembebasan Palestin, harus mengandungi matlamat yang membolehkan negara Palestin yang merdeka diwujudkan semula dan kuasa-kuasa besar, khususnya Amerika Syarikat harus membuktikan kepada rakyat Palestin dan dunia bahawa mereka benar-benar sanggup dan mahu mendesak Israel supaya bersetuju kepada rancangan keamanan yang berkekalan di Asia Barat.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada kes yang sama lagi dalam sejarah dunia di mana sebuah entiti politik diwujudkan untuk menghapuskan sebuah negara yang wujud dengan sahnyanya.

"Dan tidak ada kes di mana negara yang baru diwujudkan itu diberi bekalan senjata yang paling bahaya untuk melakukan pencerobohan ke atas rakyat yang telah disingkirkan," jelasnya.

Beliau menegaskan, sekiranya masyarakat antarabangsa memegang teguh pada prinsip kebebasan dan berkerajaan sendiri, ia harus memastikan rakyat Palestin mendapat balik hak mereka di tanahair mereka sendiri yang merdeka.

Beliau berkata, adalah tidak bermoral sekiranya segelintir negara-negara di PBB mendesak rakyat Palestin atau PLO tunduk kepada syarat-syarat awal yang sama seperti menyuruh mereka menyerah diri.

"Dan adalah lebih salah lagi untuk menolak pengiktirafan terhadap PLO hanya kerana beberapa tindakan kejam yang dilakukan oleh pihak-pihak yang men-

lalu dan rakyat Palestin masih belum menikmati hak mereka.

"Jelas sekali kita belum bertindak dengan tegas dan ikhlas. Saya berharap persidangan ini akan membuahkkan cadangan-cadangan yang jelas tentang bagaimana rancangan-rancangan keamanan dapat dilaksanakan," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat kesimpulan bahawa dunia yang merasa bersalah kerana puak Nazi menindas orang-orang Yahudi satu masa dahulu sudah tentu insaf tentang penindasan dan ketidakadilan yang dialami oleh rakyat Palestin.